

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 April 2016**

**SOALAN**

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah perkahwinan yang melibatkan warganegara yang belum mencapai umur 16 tahun dan apa rancangan untuk melarang perkahwinan kanak-kanak bawah umur memandangkan Malaysia telah menerima satu Resolusi UN untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak pada Oktober 2013.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Perkahwinan kanak-kanak atau perkahwinan di bawah umur merupakan satu ikatan melalui perkahwinan di antara lelaki dan perempuan di mana salah satu atau kedua-duanya berusia di bawah umur tertentu mengikut negeri semasa perkahwinan. Di Malaysia, perundangan yang berkaitan dengan perkahwinan adalah di bawah undang-undang keluarga yang ditadbir secara berasingan bagi yang beragama Islam dan bukan Islam. Perkahwinan Islam ditadbir di bawah Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri yang memperuntukkan bahawa perkahwinan di bawah umur 16 tahun hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Mahkamah Syariah. Manakala bagi yang bukan beragama Islam, seksyen 10 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memperuntukkan bahawa umur minimum perkahwinan adalah pada 18 tahun. Walau bagaimanapun, seorang perempuan yang telah mencapai umur 16 tahun boleh dibenarkan berkahwin dengan kebenaran (lesen) yang diberikan oleh Ketua Menteri. Dengan itu, hubungan seksual dengan gadis bukan Islam di bawah umur 16 tahun merupakan jenayah rogol sebagai mana ditakrifkan di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan. Dalam pada itu, perkahwinan adat pula dilaksana dan didaftarkan di bawah undang-undang adat mengikut kaum peribumi masing-masing di Sarawak dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah. Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah permohonan perkahwinan bawah umur (Muslim) adalah sebanyak 827 kes bagi tahun 2015. Bagi perkahwinan bawah umur yang direkodkan oleh Majlis Istiadat Sarawak pula adalah sebanyak 294 kes pada tahun 2015. Manakala perkahwinan bagi bukan Muslim di bawah umur 16 tahun adalah tidak sah berdasarkan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan kesihatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah. Perkahwinan bawah umur akan memberi cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka. Jika mereka belum bersedia dengan tanggungjawab berat ini, dikhawatiri ia membuka lebih ruang berlaku perceraian pada usia muda dan masalah-masalah sosial yang lain. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KPWKM dalam menangani isu perkahwinan bawah umur ialah: a. Pewujudan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi Kebangsaan untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan mengenai kesihatan reproduktif serta advokasi dalam kalangan masyarakat seperti Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI); b. Penubuhan Task Force Perkahwinan Bawah Umur di bawah Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak. Task force ini terdiri daripada agensi Kerajaan yang berkaitan, ahli akademik dan aktivis kanak-kanak yang mencekiti isu berkaitan perkahwinan bawah umur. Antara perkara yang diusulkan di bawah task force ini ialah penyediaan laporan perubatan dan laporan sosial yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie (Muslim), Ketua Menteri (bukan Muslim) dan Ketua Adat sebelum meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur; c. Memberikan/meningkatkan kesedaran mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin melalui kursus-kursus seperti Kursus Pra-Perkahwinan dan SMARTSTART yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); dan d. Pewujudan pusat remaja kafe@TEEN oleh LPPKN di seluruh negara. Kafe@TEEN menyasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. e. Konsultasi secara berterusan

dengan agensi yang bertanggungjawab ke atas undang-undang berkaitan perkahwinan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah. Dalam kesempatan ini, adalah menjadi harapan Kementerian supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu dalam menguar-uarkan kepada ahli masyarakat di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya menangguhkan perkahwinan bagi kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun. Ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka membesar dan bersedia dari segi fizikal dan mental serta membangunkan potensi diri bagi mengecapi masa depan yang lebih cerah.

